

Fatimah al-Zahra'

Cabutan dari buku “Puteri-Puteri Nabī” penerbitan Qalam yang baharu siap. Bukunya ini telah dipetik dan

diterjemahkan oleh Abdullah Basmeh dari kitab “*Banat al-Nabī*” karangan Dr. Bint al-Shati’,

pengarang Mesir terkenal.

Siti Fatimah al-Zahra’, *raḍiya Allāhu ‘anhā*, ialah anak perempuan yang keempat kepada junjungan kita Nabī Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*. Ia telah dilahirkan oleh ibunya Siti Khadijah *raḍiya Allāhu ‘anhā*, dalam kalangan masyarakat yang kita sedia ketahui sangat sukakan anak lelaki. Dalam pada itu ia telah memasuki sejarah Islam seolah-olah belum pernah seorang jua pun memasukinya kemudian daripada ayahandanya – Nabī Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* dan telah meninggalkan kesan-kesan yang besar di dalamnya, yang melampaui segala perkara yang dapat difikirkan dan ditanggung. Ia telah disambut oleh rumah Muhammad al-Amin, sebagai seorang cahaya mata yang baharu zahir ke dunia, pada kira-kira lima tahun sebelum Nabi diutus.

Allah ‘*Azza wa Jalla* telah mengkehendaki supaya hari kelahirannya bertepatan dengan peristiwa yang besar yang di dalamnya kaum Quraisy telah mengangkat Muhammad al-Amin menjadi orang tengah mendamaikan perbalahan mereka tentang perkara meletakkan hajar al-aswad, sebaik-baik sahaja bangunan Ka‘bah yang mulia itu diperbaharui. Kelahirannya pada saat yang demikian menyebabkan ayahanda dan bondanya mensifatkan bersempena baik, lalu disambut dengan gembiranya dalam

suatu perayaan yang tidak pernah disaksikan oleh negeri Makkah. Apa lagi mengenai kelahiran seorang anak perempuan yang telah didahului oleh tiga orang saudara perempuan, dan tiada seorang pun saudara lelaki di antara mereka. Ia telah menghabiskan masa kecilnya dengan sepenuh-penuh kebahagiaan, dilimpahi oleh kasih sayang kedua ayahanda bondanya dan dimanjakan oleh mereka, terutama kakandanya yang tua “Zainab” yang menjadi seolah-olah “Ibu Kecil” baginya.

Manakala Zainab bersuami, dan sesudah itu Ruqaiyah dan Ummu Kalthum juga bersuami, maka sedihlah hati Fatimah kerana bercerai dengan kakanda-kakandanya, lepas seorang: seorang pula. Ia – dalam umur yang masih budak mentah – tidak dapat mengetahui akan rahsia perkahwinan itu, yang menceraikan di antara seorang anak perempuan dengan kedua ibubapanya, dan di antara seorang saudara perempuan dengan saudara perempuannya. Kemusykilannya itu menyebabkan hatinya runsing beberapa hari, sehingga meninggalkan bekas yang mendalam dalam perasaannya dan hatinya yang masih dara. Keadaan-keadaan yang telah dilalui oleh keluarganya pada masa itu makin pula menguatkan kesan itu. Ayahandanya – kerana diruntun

oleh pemikiran menungnya – telah menjauhkan diri untuk beribadah dan berfikir dengan tenang. Bondanya pula sibuk menjaga dan melayan suami yang dikasihi dalam masa ia (suaminya) berada di rumah, dan berhati bimbang dan cemas apabila ia meninggalkan rumah. Manakala kakanda-kakandanya yang bertiga pula masing-masing sibuk dengan suami-suami dan rumahtangga mereka yang baharu itu. Tinggallah “Fatimah” seolah-olah seorang diri dengan kemusykilan-kemusykilan yang difikirkannya, yang makin berkesan dalam hatinya dengan perlahan-perlahan.

Meskipun dia memandang Ali bin Abi Talib sebagai saudara (kerana tinggal serumah setelah ayahandanya memilih Ali menjadi anak angkatnya), yang umurnya kira-kira empat tahun lebih tua daripadanya, tetapi dia

tidak tergamak hendak menceritakan kepadanya akan kerunsingan hatinya terhadap soal-soal mengenai perkahwinan.

Dalam rangkaian peristiwa-peristiwa

Setelah itu berlakulah peristiwa yang besar yang telah menggegarkan semenanjung Arab, lalu mengejutkan Fatimah daripada khayal kebudak-budakkannya, dan meletakan dia dalam rangkaian peristiwa-peristiwa yang besar yang datang silih berganti ketika ayahandanya dipilih oleh Allah ‘*Azza wa Jalla* menjadi Nabī.

Ia mendapati dirinya – yang pada ketika itu baharu berumur lima tahun – sedang menghadapi satu paluan yang kuat, berdiri dalam angin taufan yang ditiupkan oleh kaum penyembah berhala terhadap agama

Baginda Ali Harimau Allah

Sebuah buku riwayat hidup Saiyidina Ali bin Abi Talib,

Karam Allāhu Wajhah, bawah kalam pujangga Arab yang terkenal, Abbas Mahmud al-Aqqad.


Sayidina Ali bukan sahaja seorang pahlawan Islam yang terbilang gagah beraninya tetapi juga seorang yang arif bijaksana dan luas ilmunya sehingga telah digambarkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* dalam sebuah hadisnya (riwayat al-Tirmizi) yang bermaksud:

“Aku ialah gedung ilmu pengetahuan dan Ali ialah pintunya”!

Bacalah riwayat hidupnya yang semerbaknya harum dan menyegarkan serta menghidupkan semangat keislaman.

Dua penggal tamat. Harga sepenggal \$1.20 sahaja, belanja mengirimnya 10 sen

(Terjemahan: Abdullah Basmeh)



Pesanlah kepada penerbitnya:
QALAM, SINGAPURA

Islam yang dibawa ayahandanya.

Tetapi ia tidak berasa kesal akan masa kanak-kanaknya yang telah luput, masa bersuka ria dan bermain-main. Ia tidak berasa sukar meninggalkan dengan begitu lekas akan kesenangan dan kemewahannya. Ia telah meninggalkan tempat-tempat permainan dengan rakan-rakan sebayanya dengan tidak teragak-agak lagi. Lalu menghadapi kehidupan baharu dengan mengetahui, meskipun ia masih kecil, akan kedudukannya sebagai seorang puteri kepada Nabi yang telah dipilih oleh Allāh Ta'ālā menjadi Rasulnya. Ia sedar akan tugasnya yang berat yang diwajibkan dia menanggungnya, supaya layaklah dia menduduki tempatnya yang istimewa itu di sisi pahlawan (ayahandanya) yang sedang menghadapi seluruh kaum Musyrikin yang bersatu, dengan tidak mempunyai senjata selain daripada iman akan kebenaran yang diperjuangkannya, dan dengan seorang diri pula, kecuali pengikut-pengikutnya yang sedikit dan sedang menderita.

Fatimah tidak lagi terasa akan kedudukannya yang keseorangan yang pernah dirasainya sebelum ayahandanya diutus menjadi Nabī. Kerana Islam telah mengikatnya dengan ayahandanya Nabi Allāh itu dan ibunya Ummul Mukminin serta saudara-saudara perempuannya yang telah Islam. Dengan ikatan yang lebih kuat dan lebih kukuh daripada nasab keturunan dan lebih mesra perdingannya daripada daging darah. Tiap-tiap seorang di dalam rumah tangga Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* itu telah melupai akan soal-soal yang mengenai diri sendiri semenjak mereka sekaliannya bertemu dan bersatu dalam agama yang satu dan bertuhankan Tuhan yang satu, Yang Maha Esa dan tiada sekutu baginya.

Ia bergembira kerana “Ali bin Abi Talib”

tidak teragak-agak daripada beriman dengan agama Islam yang dibawa oleh ayahandanya, kerana Ali dipandanginya sebagai saudara lelaki yang dikasihi.

Ia juga bercita-cita dan berharap kalau-kalau Abu Talib – ketua Bani Hashim, dan Abu al-'Aṣ – sepupunya dan suami kakandanya Zainab memeluk Islam, nescaya akan bertambahlah bahagianya. Bahkan dia berharap kalau sekalian Bani Hashim memeluk Islam, kerana mereka ialah kaum kerabat ayahandanya yang dekat. Ia tidak sampai hati hendak bercerai dengan mereka, dan sangat-sangat berduka cita kalau berlaku permusuhan dan persengketaan di antara mereka dan ayahandanya. Tetapi Allāh *Subhānahu wa Ta'ālā* telah mengkehendaki keluarga Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa ālihi wa sallam* menerima ujian dan cubaannya dengan berbagai-bagai penderitaan, dan telah mengkehendaki, *Subhānahu wa Ta'ālā*, supaya pesuruh-Nya, Nabī Muḥammad yang pilihan itu, menjadi contoh tauladan dalam mempertahankan akidah kepercayaan dengan iman yang sebenar-benarnya dan pengorbanan yang besar.

Allāh *Subhānahu wa Ta'ālā*, menguntukkan juga sebahagian besar kepada Fatimah al-Zahra' binti Muḥammad, dalam mengalami penderitaan yang pahit itu. Semenjak kecil lagi ia telah menyaksikan peperangan suci di antara pihak Islam dengan kaum Musyrikin dan telah menderita kerananya. Ia juga telah hidup lebih lama daripada saudara-saudaranya yang lain. Bahkan ayahandanya yang dikasihi telah wafat pada kira-kira enam bulan lebih dahulu daripadanya.

Semua ujian yang tersebut telah dilalui oleh Fatimah dengan tabah hati.

* * *

Menurut sejarahnya, sebaik sahaja Fatimah meninggalkan tempat permainannya dan menjauhkan diri dari rakan-rakannya yang sepermainan, ia pun mendampingi ayahandanya di tengah-tengah medan perjuangan. Umurnya yang masih kecil itu membolehkan dia keluar dari rumah dan mengikut ayahandanya pada tiap-tiap hari ke tempat kumpulan kaum Musyrikin Quraisy. Ayahandanya pergi ke tempat mereka untuk menyiarkan Islam, dan dalam menjalankan tugasnya yang mulia itu, baginda terpaksa menderita kerana diganggu dan disakiti oleh kaum Musyrikin.

Pada suatu hari, apabila Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* sedang berjalan menuju ke Ka'bah, tiba-tiba baginda dikelilingi oleh kaum Musyrikin lalu menyerang baginda dengan serentak sambil berkata kepadanya: Engkaukah orang yang mencela agama kami? – lalu mereka menyebut satu persatu akan kata-kata Nabī yang mencela berhala-berhala mereka dan menyalahkan kepercayaan mereka.

“Benar, akulah orang yang mengatakan sedemikian itu” jawab Rasulullah.

Fatimah yang sedang berdiri tidak jauh dari ‘ayahandanya telah terkejut melihat salah seorang daripada mereka datang merenggut baju ayahandanya dan menarik-nariknya. Mujurlah Saiyidina Abu Bakar datang menolong lalu berkata kepada kaum Musyrikin:

“Mengapa kamu berlaku demikian? Adakah kamu hendak membunuh seorang yang berkata: Tuhanku ialah Allah?”

Dengan perasaan marah yang menjulang-julang mereka pun berpaling kepada Saiyidina Abu Bakar lalu memukulnya sehingga meleleh darah dari kepalanya.

Rasulullah pun meninggalkan masjid – Baitullah

al-Haram, lalu kembali ke rumahnya dengan diikuti oleh anaknya Fatimah. Di sepanjang-panjang jalan itu baginda tidak putus-putus menerima ejekan dan disakiti serta didustakan oleh kaum Musyrikin. Setibanya di rumah, baginda segera masuk ke tempat tidur dalam keadaan letih lesu.

Pada suatu hari yang lain, Fatimah telah berdiri tidak jauh dari ayahandanya yang sedang sujud di masjid dengan dikelilingi oleh kaum Musyrikin. Tiba-tiba datang seorang Musyrik bernama ‘Uqbah bin Abi Mu‘īṭ lalu

Bacalah!

Isteri-isteri Nabī

Dipersesuaikan oleh: Ummu Muhsin daripada kitab

Nisa’ al- Nabī karangan **Dr. Bint al-Shāṭi’**

sebuah buku yang menggambarkan dengan sejelas-jelasnya rumah tangga Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* yang menjadi ikutan dan contoh utama bagi umat Islam seluruhnya.

Sebuah buku yang sangat penting dibaca, terutama oleh wanita-wanita Islam.

Tebalnya 242 muka dan harganya \$2.50 sahaja tambah belanja mengirimmnya 20 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM, SINGAPURA



melemparkan Nabī dengan isi perut unta. Nabī tidak juga mengangkat kepalanya daripada sujudnya itu. Pada saat itu Fatimah bergegas merapat lalu membuang isi perut unta itu dari belakang ayahandanya, sambil berdoa mudah-mudahan Allah binasakan orang-orang yang melakukan perbuatan yang kejam itu. Pada ketika itu Nabī pun mengangkat kepalanya daripada sujud lalu berdoa supaya orang-orang yang menyakitinya itu dibalas Allah *'Azza wa Jalla*, ujmarnya:

“Tuhanku, terserah kepada-Mu perbuatan jahat kaum Musyrikin Quraisy! Tuhanku, terserah kepada-Mu perbuatan jahat Abū Jahal bin Hishām, ‘Utbah bin Rabī’ah, Shaybah bin Rabī’ah, ‘Uqbah bin Abi Mu‘īṭ, Abi bin Khalaf.”

Terpegun kaum Musyrikin tadi mendengar doa baginda yang tersebut. Baginda pun menyempurnakan sembahyangnya lalu kembali ke rumahnya bersama-sama dengan anaknya Fatimah.

Kalau Fatimah – *radiya Allāhu anhā* – dapat memandang perkara ghaib, tentulah dia akan melihat orang-orang jahat tadi bergelimpangan mati di medan perang “Badar”, pada beberapa tahun sesudah itu.

Pada kali yang lain pula, Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* telah keluar mendapatkan kaum Musyrikin Quraisy sesudah turun kepadanya – Firman Allah:

“*Wa anzir ‘ashīrataka al-aqrabīna*”

Ertinya: “Dan peringatkanlah (dengan memberi amaran) kepada kaum kerabatmu yang dekat”

Baginda pun tampil menyeru kaum kerabatnya, ujmarnya: “Wahai kaum Quraisy, selamatkanlah diri kamu. Aku tidak akan dapat memberi sesuatu faedah pun kepada kamu di sisi Allah.

“Wahai suku Abd Manaf, aku tidak akan dapat memberi sesuatu faedah kepada kamu di sisi Allah.

“Wahai Abbas bin Abdul Muttalib, aku tidak akan dapat memberi sesuatu faedah kepadamu di sisi Allah. Wahai Safiyyah binti Abdul Muttalib, aku tidak akan dapat memberi sesuatu faedah kepadamu di sisi Allah. Wahai Fatimah binti Muhammad, pintalah kepada aku apa jua yang engkau kehendaki daripada harta bendaku, aku tidak akan dapat memberi sesuatu faedah kepadamu di sisi Allah”.

Berdebar-debar hati “Fatimah” dengan perasaan belas dan hina, lalu berkata secara berbisik:

“Saya sedia menyahut seruanmu, wahai sekasih-kasih ayah dan semulia-mulia penyeru.”

Fatimah yang masih kecil pun berjalanlah pada saat itu di antara orang ramai dengan tegak dan gembira kerana berbesar hati mendengar dirinya dipilih di antara adik-beradiknya yang lain, tatkala ayahandanya memberi kata-kata yang tegas kepada manusia bahawa ia (Nabi Muhammad) tidak akan dapat memberi sesuatu faedah di sisi Allah Ta’ala. Kepada sekasih-kasih orang yang disayangi dan menjadi buah hatinya - sekalipun orang itu ialah Fatimah al-Zahra’, puterinya.

Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* telah memulakan seruan Islam dengan mengajak kaumnya dan sukunya iaitu kaum Quraisy, kemudian keluarganya yang dekat – suku Abd Manaf, kemudian mamandanya al-Abbas dan ibu saudaranya Safiyyah binti Abdul Mutalib, dan akhir sekali puterinya Fatimah yang telah dijadikan misal dan perbandingan dalam perkara yang besar itu. Jelasnya, Siti Fatimah

radiya Allāhu anhā telah menjadi perbandingan yang akhir sekali yang dikemukakan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* dalam memberi pengajaran dan menyedarkan kaumnya supaya insaf dan berbalik kepada kebenaran. Kalau Rasulullah tidak dapat mendatangkan sesuatu faedah kepada puterinya yang dikasihi di sisi Allah *'Azza wa Jalla*, maka orang lain, walau siapa orangnya, sudah tentu tidak ada yang boleh mendatangkan faedah baginya di sisi Allah (kecuali iman dan amalnya yang soleh).

Bukan pula ini sahaja kali yang pertama dan yang akhir, Rasulullah mengemukakan puterinya Fatimah itu sebagai perbandingan yang tegas dalam masa baginda

menyiarkan kebenaran dalam kalangan umatnya. Pernah dinyatakan di dalam hadis, bahawa suatu hari, seorang perempuan dari kalangan bangsawan Quraisy telah mencuri sesudah dia memeluk Islam. Manakala perkaranya sampai ke pengetahuan Rasulullah maka suku sakatnya mulai resah gelisah kerana mereka takut tangannya akan dipotong – menurut hukum Islam. Mereka cuba berikhtiar menyelamatkannya daripada hukuman itu, lalu pergi beramai-ramai mendapatkan “Usamah bin Ziyad” (seorang sahabat yang disayangi oleh Nabi – kerana Ziyad (ayahnya) ialah anak angkat Nabi yang telah gugur syahid di medan perang Mu'tah). Mereka meminta supaya

Aishah: al-Ṣiddīqah bint al-Ṣiddīq

Riwayat hidup Siti Aishah Ummul Mukminin ialah suatu riwayat yang indah dan menarik, buah kalam pujangga Arab yang terkenal, 'Abbās Maḥmūd al-'Aqqād.

Buku yang berharga ini menggambarkan sifat seorang isteri Rasulullah yang menjadi contoh utama sebagai seorang guru, sebagai seorang pendidik, sebagai seorang isteri yang setia, dan sebagai seorang ratu “rumah tangga” dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Sangat penting dibaca oleh segala peringkat, terutama oleh wanita-wanita Islam.

2 penggal tamat. Harga sepenggal \$1.00 sahaja, belanja mengirимnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM, SINGAPURA

(Terjemahan: Abdullah Basmeh)



Usamah menolong mereka dengan menggunakan jasa baiknya – meminta belas kasihan. Manakala Usamah pergi menghadap Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* dan menyatakan hajatnya yang tersebut, maka baginda pun menolak permintaannya, lalu bersabda (maksudnya):

“Usamah, jangan engkau perkatakan perkara ini lagi kepadaku, kerana hukuman hudud (hukuman bagi kesalahan-kesalahan menurut Islam) telah berakhir kepadaku maka dengan itu tidaklah boleh ditinggalkan sama sekali: Kalau orang yang mencuri itu Fatimah binti Muhammad sekalipun nescaya aku akan potong tangannya.”

Baginda tidak berkata “Kalau orang yang mencuri itu anak perempuan Muhammad” dengan secara umum, tetapi ditegaskan nama “Fatimah”, yang sedia diketahui kedudukannya yang tinggi di sisi baginda dan yang sangat-sangat dikasihi dan disayangi.

Pernah juga tersebut di dalam hadis, bahawa Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa ālihi wa sallam* bersabda:

“*Khayrun nisā’ al-‘ālamīn arba’un: Maryam, wa Āsiyah wa Khadijah wa Fāṭmah.*”

Ertinya: Sebaik-baik (semulia-mulia) perempuan seluruh alam ialah empat orang: Maryam, Asiah, Khadijah dan Fatimah.”

Dalam suatu hadis yang lain, baginda bersabda:

“*Inna Llāha layardā liriḍāki wa yaghḍabu li ghaḍabiki.*”

Ertinya: “Sesungguhnya Allah reda kerana keredaanmu – wahai Fatimah – dan murka kerana

kemarahanmu.”

Ibnu Jarir¹ pula berkata:

“Bukan seorang (bahkan banyak) yang mengatakan kepadaku: Bahawa Fatimah ialah yang kecil sekali di antara puteri-puteri Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* dan dialah juga yang sangat-sangat dikasihi dan disayangi di antara mereka.”

Pendeknya tentang kelebihan Siti Fatimah al-Zahra’, *radiya Allāhu anḥā*, dapat ditatap dengan lanjut di dalam kitab-kitab hadis dan buku-buku sejarah Islam (*)

Cinta kasih Rasulullah makin ditumpahkan kepada puterinya Siti Fatimah apabila kakanda-kakandanya (Zainab, Ruqaiyah dan Ummu Kalthum) wafat lepas seorang, seorang pula. Dan makin bertambah apabila Siti Fatimah melahirkan putera-puteranya: Saiyidina Hasan dan Saiyidina Husain, dan dengan itu menjadikan zuriat Rasulullah hanya terhimpun pada keturunan puterinya yang tunggal ini (Siti Fatimah *radiya Allāhu anḥā*) yang telah lanjut umurnya dan telah hidup kira-kira enam bulan sesudah ayahandanya – Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu alayhi wa ālihi wa sallam* – wafat.

- bersambung

(*) yang terutamanya - mengenai kemuliaan Siti Fatimah

– lihat kitab hadis **Ṣaḥīḥ al-Buḥārī** (dalam bab:

Faḍā’il Aṣḥāb al-Nabiy), dan Ṣaḥīḥ Muslim – Bab:

Kitāb al-Manāqib, juga kitab hadis

“Musnad Aḥmad” (Juzuk 5, muka 204).

¹t Dalam teks Qalam ditulis sebagai Ibnu Jarir